

## Pergerakan Interseks Asia

# KENYATAAN UMUM



Pada 8 hingga 11 Februari 2018 Forum Intersex Asia Pertama (First Asian Intersex Forum) telah berlangsung di Bangkok, Thailand dengan sokongan Intersex Human Rights Fund. Intersex Asia - jaringan serantau pertama bagi organisasi-organisasi hak asasi manusia interseks dan aktivis-aktivis interseks yang berkerja dalam bidang hak asasi manusia bagi individu, komuniti dan pergerakan interseks di Asia - telah ditubuhkan oleh peserta-peserta forum tersebut.

Forum tersebut telah membawa bersama 14 orang individu-individu interseks yang mewakili organisasi-organisasi dan komuniti interseks dari Hong Kong (China), India, Indonesia, Myanmar, Nepal, Pakistan, Philippines, Taiwan, Thailand serta Vietnam.

**Intersex Asia bertujuan untuk bekerja bagi promosi dan perlindungan hak asasi manusia individu-individu interseks di Asia, untuk mewakili suara-suara individu-individu dan komuniti-komuniti interseks di Asia, serta untuk memastikan hak untuk hidup, integriti tubuh badan, autonomi fizikal dan hak penentuan diri sendiri (self-determination) golongan interseks dipromosikan serta dilindungi di mana-mana.**

***Momen ini merupakan titik tolak yang penting bagi Pergerakan Intersex Asia kerana ia merekodkan momen yang bersejarah dari segi keternampakan dan pengiktirafan hak asasi manusia interseks di Asia.***

Di seluruh Asia, pemahaman golongan profesional perubatan berkenaan isu-isu interseks masih lagi rendah. Hal ini menjurus kepada prosedur-prosedur medikal yang tidak diperlukan dan tidak berperikemanusiaan, termasuklah pembedahan 'normalisasi' serta rawatan bagi bayi, orang muda dan individu-individu dewasa interseks.

Individu interseks lahir dengan ciri-ciri seks (termasuklah genital atau alat kelamin, gonad atau organ seperti testis dan ovari, dan corak kromosom) yang berlainan daripada tubuh badan tipikal binari lelaki atau perempuan. Oleh yang demikian, kanak-kanak dan golongan dewasa interseks selalunya mengalami stigma serta pelbagai bentuk pencabulan hak asasi manusia, termasuklah pencabulan hak mereka kepada kesihatan dan integriti fizikal, hak untuk bebas daripada penyeksaan serta layanan yang zalim, dan hak untuk menikmati kesaksamaan serta bebas daripada diskriminasi.

Sebagai golongan interseks di Asia, kami hidup dalam masyarakat yang meneruskan diskriminasi, keganasan dan pembunuhan individu-individu interseks melalui beberapa amalan serta kepercayaan dari segi budaya, agama, tradisi dan perubatan. Oleh yang demikian, kami haruslah disokong untuk memacu perubahan sosial, politikal dan perundangan berkenaan kami.

Intersex Asia merupakan sebuah jaringan yang berautonomi yang terdiri daripada organisasi-organisasi yang diterajui oleh individu-individu interseks serta individu-individu dari negara-negara di Asia yang bekerja untuk mendidik orang ramai berkenaan isu-isu interseks, dan meningkatkan kesedaran berkenaan pencabulan hak asasi manusia serta diskriminasi yang dihadapi oleh komuniti-komuniti interseks.

Forum Interseks Asia dan Interseks Asia juga merujuk dan menegaskan prinsip-prinsip daripada kenyataan umum oleh Forum Interseks Antarabangsa Ketiga (Public Statement by the Third International Intersex Forum) (atau yang dikenali sebagai Deklarasi Malta atau the Malta Declaration), Kenyataan Interseks daripada Pra-Persidangan di ILGA-Asia 2017 (the Intersex Statement of the Intersex Pre-Conference at ILGA-Asia 2017), serta melanjutkan tuntutan-tuntutan yang bertujuan untuk menghentikan dan membasmi diskriminasi terhadap individu interseks, mempromosi serta melindungi hak asasi manusia individu-individu interseks di Asia, dan memastikan hak untuk hidup, integriti tubuh badan, autonomi fizikal serta hak penentuan diri sendiri (self-determination) bagi individu interseks. (Lihat Kenyataan Umum).

## **Bangkok, Thailand**

### **11 Februari 2018**

#### **Mukadimah**

Kami menegaskan bahawa individu interseks wujud. Kami wujud di semua benua dan negara di seluruh dunia, termasuklah di Asia. Oleh itu, individu-individu interseks haruslah disokong untuk memacu perubahan sosial, political dan perundangan yang berkenaan kami.

Kami aktivis-aktivis interseks mewakili pelbagai pelosok di Asia, bekerja ke arah menghentikan dan membasmi diskriminasi, serta mempromosi dan melindungi hak asasi manusia individu interseks.

#### **TUNTUTAN**

- Untuk mengakui penganiayaan dan ketidakadilan terhadap individu-individu interseks
- Untuk mengiktiraf bahawa seksime, medikalisasi (menjadikan sesuatu isu sebagai kondisi medikal atau perubatan) dan stigma terhadap individu interseks membawa kepada trauma dan kesan terhadap kesihatan mental yang signifikan
- Untuk membuang stigma daripada semua terma-terma atau istilah yang merujuk kepada individu interseks
- Untuk mengiktiraf bahawa interseks berkait dengan ciri-ciri seks biologikal, dan berbeza daripada orientasi seksual dan identiti gender seseorang. Seorang interseks boleh mempunyai orientasi seksual heteroseksual,

lesbian, bisexual atau asexual, dan mungkin mengidentifikasi diri sebagai perempuan, lelaki, kedua-duanya atau bukan mana-mana identiti gender

- Untuk menghentikan praktis mutilasi dan 'normalisasi' seperti pembedahan genital atau alat kelamin, intervensi psikologi serta medikal yang lain melalui undang-undang dan cara-cara lain. Individu interseks haruslah diperkasa untuk membuat keputusan mereka sendiri berkenaan integriti tubuh badan mereka, autonomi fizikal, dan penentuan diri sendiri (self determination).
- Untuk menghentikan diagnosis genetik pra-implantasi, saringan dan intervensi pra-natal serta pengguguran fetus atau janin interseks.
- Untuk menghentikan protokol dan praktis perubatan yang tidak sesuai, termasuklah pemberian ubat-ubatan bagi pemilihan gender serta intervensi medikal terhadap fetus serta bayi yang baru lahir, yang berpunca daripada kurang kesedaran berkenaan golongan interseks dan variasi interseks
- Untuk menghentikan sterilisasi tanpa kebenaran untuk individu-individu interseks
- Untuk tidak mempatologi variasi ciri-ciri seks dalam praktis perubatan, garis panduan, protokol dan klasifikasi, seperti International Classification of Diseases oleh Organisasi Kesihatan Sedunia atau World Health Organisation.
- Untuk menyertakan pendidikan interseks yang berasas hak asasi manusia bagi kaunseling dan sokongan pra natal

- Untuk menghentikan 'infanticide' atau pembunuhan bayi interseks, pengabaian bayi interseks dan pembunuhan bayi interseks demi menjaga maruah diri atau keluarga (honor killings)
- Untuk menghentikan praktis yang memaksa pembedahan normalisasi terhadap kanak-kanak interseks untuk menjadi lelaki sebagai syarat untuk mewarisi harta
- Untuk memastikan hak untuk mewarisi harta bagi individu interseks tidak dinafikan atas alasan ketidaksuburan
- Untuk memastikan organisasi interseks dan kumpulan sokong bantu interseks diiktiraf, mempunyai dana dan diperkasakan
- Untuk melindungi individu interseks daripada diskriminasi dengan menambah ciri-ciri seks sebagai status yang dilindungi dalam undang-undang anti-diskriminasi dan untuk memastikan perlindungan terhadap diskriminasi yang berbentuk 'intersectional'
- Untuk melindungi individu-individu interseks terhadap keganasan dan gangguan seksual menerusi undang-undang
- Untuk memastikan perlindungan dan segi perundangan dan sokongan untuk individu-individu interseks yang berlainan keupayaan
- Untuk mengiktiraf pelarian interseks yang memerlukan perlindungan daripada diskriminasi dan memastikan bantuan psikososial yang secukupnya
- Untuk memastikan perlindungan legal yang saksama dan tidak mendiskriminasi bagi individu-individu interseks dalam

undang-undang perkahwinan dan mengambil anak angkat

- Untuk melindungi individu-individu interseks terhadap diskriminasi di tempat kerja
- Untuk mewujudkan persekitaran yang selamat, meraikan dan menyokong individu-individu interseks, ahli keluarga mereka serta yang lain
- Untuk menyediakan pendidikan berasaskan hak asasi manusia untuk memperkasa individu-individu interseks dan ahli keluarga mereka
- Untuk menyokong individu-individu interseks dan ahli keluarga mereka untuk menghubungkan serta membina komuniti-komuniti interseks
- Untuk memastikan bahawa individu-individu interseks mempunyai hak kepada informasi yang sepenuhnya dan akses kepada rekod serta sejarah perubatan
- Untuk melindungi hak individu-individu interseks untuk privasi semasa berhubung dengan institusi sivil dan sosial, seperti institusi perubatan, pendidikan dan kerajaan
- Untuk memastikan semua hak asasi manusia dan kewarganegaraan diaplikasikan bagi individu-individu interseks
- Bagi memastikan integriti tubuh badan dan kesejahteraan individu-individu interseks, sokongan psikososial yang berautonomi serta tidak mempatologi dan sokongan komuniti haruslah sedia ada bagi individu-individu interseks sepanjang hidup

mereka (mengikut keperluan sendiri), dan juga bagi ibu bapa dan/atau penyedia perkhidmatan penjagaan

- Untuk memastikan bahawa semua profesional dan penyedia perkhidmatan kesihatan yang mempunyai memainkan peranan yang spesifik dalam memastikan kesejahteraan individu-individu interseks menerima latihan yang secukupnya untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti
- Untuk menyediakan akses kepada kesihatan dan perkhidmatan kesihatan yang secukupnya bagi memenuhi keperluan dan isu-isu kesihatan fizikal dan mental individu-individu interseks
- Untuk merekod kanak-kanak interseks sebagai perempuan atau lelaki, dengan kesedaran bahawa, seperti orang lain mereka juga mungkin akan mengidentifikasi diri mereka dengan gender dan seks yang berbeza apabila mereka lebih dewasa
- Untuk memastikan bahawa klasifikasi seks atau gender boleh diubah melalui prosedur administratif yang mudah atas permintaan individu-individu yang terkesan. Semua golongan dewasa dan orang muda di bawah umur yang mempunyai keupayaan untuk memilih antara perempuan (F/P), lelaki (M/L), non-binary atau pilihan-pilihan lain (lebih daripada satu). Di masa akan datang, sama seperti etnik atau agama, seks atau gender seharusnya tidak perlu disertakan sebagai kategori dalam sijil kelahiran atau dokumen identifikasi untuk semua orang.

- Untuk memastikan bahawa semua pemegang taruh yang mempunyai peranan spesifik dalam kesejahteraan individu-individu interseks, seperti tetapi terhadap kepada, penyedia perkhidmatan kesihatan, ibu bapa, golongan profesional yang bekerja dalam bidang pendidikan, dan juga masyarakat secara umumnya, diberi maklumat berkenaan isu-isu interseks daripada perspektif hak asasi manusia

- Untuk menghentikan ujian pengesanan seks yang mencabul hak privasi dan martabat diri individu-individu interseks, serta memastikan bahawa mereka boleh menyertai pertandingan kesukanan pada semua peringkat berdasarkan seks mereka. Atlet interseks yang mengalami pengaiban atau dilucutkan kemenangan mereka seharusnya menerima pampasan dan perkara-perkara yang dilucutkan harus dikembalikan semula

- Untuk meningkatkan kesedaran berkenaan isu-isu interseks dan hak asasi individu-individu interseks dalam kalangan komuniti serta masyarakat

- Untuk menyediakan pendidikan seksualiti yang komprehensif yang turut mengandungi rujukan dan pengalaman hidup individu-individu interseks, serta pendidikan interseks berasaskan hak asasi manusia pada semua peringkat pendidikan

- Untuk menyediakan pengiktirafan yang secukupnya bagi penganiayaan dan ketidakadilan yang dialami oleh individu-individu interseks sebelum ini, serta menyediakan akses kepada keadilan, penyelesaian, pampasan dan hak kepada kebenaran yang secukupnya

## Berdasarkan perkara-perkara di atas, Pergerakan Interseks Asia menyeru:

- Institusi hak asasi manusia antarabangsa, serantau dan nasional untuk menyertakan dan memberikan keternampakan kepada isu-isu interseks dalam kerja mereka
- Kerajaan-kerajaan untuk mengatasi isu-isu yang dibangkitkan oleh Pergerakan Interseks Asia dan mengolah penyelesaian yang secukupnya dengan kerjasama langsung dengan organisasi-organisasi serta wakil-wakil interseks
- Kerajaan-kerajaan untuk menghentikan amalan budaya yang memudaratkan, seperti pembunuhan bayi interseks demi menjaga maruah (honor killings)
- Agensi dan sumber media untuk memastikan hak individu-individu interseks kepada privasi, martabat diri, representasi yang tepat dan beretika

- Ketua-ketua komuniti untuk terlibat dalam pendidikan interseks untuk membetulkan salah faham dan stigma berkenaan individu-individu interseks
- Penyedia dana haruslah berinteraksi dengan organisasi-organisasi interseks dan menyokong dalam meningkatkan keternampakan dan kapasiti mereka, membina maklumat dan menegaskan hak asasi mereka
- Organisasi-organisasi hak asasi manusia haruslah menyumbang kepada membina jambatan dengan organisasi-organisasi interseks atas dasar sokongan bersama dan penglibatan yang bermakna. Hal ini haruslah dilakukan dengan semangat kerjasama dan tiada sesiapa yang seharusnya menggerakkan isu-isu interseks untuk mencapai objektif sendiri atau lain

**Bagi maklumat lanjut, sila hubungi:** Hiker Chiu – Taiwan (Chinese, English): [hiker@oii.tw](mailto:hiker@oii.tw); Gopi Shankar Madurai – India (English, Tamil, Malayalam, Hindi): [br.gopishankar@gmail.com](mailto:br.gopishankar@gmail.com), +918610539702, +919092282369, @gopishankarmdu; Nada Chaityajit – Thailand (Thai, English): [nada.chaityajit@gmail.com](mailto:nada.chaityajit@gmail.com); Small Luk – Hong Kong, China (Chinese, Cantonese, English): [ivysmall@ymail.com](mailto:ivysmall@ymail.com), +85251996331; Esan Regmi – Nepal (Nepali, English): [esanregmi@gmail.com](mailto:esanregmi@gmail.com), +977 9861336738

**Statement Acknowledgement in Malay:** Projek perterjemahan 'The First Asian Intersex Statement' kepada bahasa yang digunakan di Asia adalah sebuah projek oleh Intersex Asia yang dibiayai oleh RFSL. Intersex Asia berterima kasih kepada komuniti interseks di Malaysia, dan Justice for Sisters di atas sokongan dari segi input, suntingan serta terjemahan.

Produced by: Allies:



Our Sponsors:

